



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 7, July 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocalsciences.com

Amalan Komunikasi Verbal Guru Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Sikap Murid dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)

Andi Kaswia Binti Abdul Kadir¹, Zawawi Ismail¹

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM)

Correspondence: Andi Kaswia Binti Abdul Kadir (andikaswia79@gmail.com)

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan Komunikasi Verbal (KV) guru Bahasa Arab dan hubungannya terhadap sikap murid dalam pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Kajian kuantitatif ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen. Seramai 538 orang murid tingkatan dua dari seluruh SMKA di Malaysia terlibat sebagai responden. Pemilihan sampel dibuat menggunakan kaedah pensampelan rawak berstrata mengikut zon. Analisis data yang digunakan adalah analisis deskriptif dan inferensi korelasi Pearson dan dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap amalan KV guru Bahasa Arab berada pada tahap tinggi iaitu dengan skor min 4.13 dan sisihan piawai 0.5. Adapun hubungan antara amalan KV guru dan sikap murid menunjukkan terdapat hubungan korelasi positif dan signifikan antara pemboleh ubah yang diuji. Hubungan antara amalan KV guru dan sikap murid adalah positif ($r = .596, p = <.05$) pada tahap signifikan 0.01. Kajian ini menunjukkan bahawa sekiranya amalan KV guru tinggi dan kerap, maka sikap murid juga akan bertambah baik. Penemuan ini akan membantu pentadbir pendidikan, terutama guru Bahasa Arab, untuk meningkatkan tahap kecekapan KV mereka.

Kata kunci: komunikasi verbal, sikap, bahasa Arab, pengajaran bahasa

Verbal Communication Practice (VCP) of Arabic Language Teachers and Its Relationship with Students' Attitudes in Teaching Arabic in SMKA **Abstract**

This study aims to identify the level of Verbal Communication (VC) practice of Arabic language teachers and its relationship to students' attitudes in teaching Arabic in *Sekolah Menengah Kebangsaan Agama* (SMKA). This quantitative study uses a questionnaire as an instrument. A total of 538 form two students from all SMKA in Malaysia were involved as respondents. Sample selection was made using stratified random sampling method by zone. The data analysis used was descriptive analysis and Pearson correlation inference and was performed using SPSS software. The results showed that the level of VC practice of Arabic teachers was at a high level with a mean score of 4.13 and a standard deviation of 0.5. The relationship between teachers' VC practices and students' attitudes showed that there was a positive and significant correlation between the variables tested. The relationship between teachers' VC practices and students' attitudes was positive ($r = .596, p = <.05$) at a significance level of 0.01. This study shows that if teachers' VC practices are high and frequent, then students' attitudes will also improve. These findings will help education administrators, especially Arabic teachers, to improve their VC proficiency levels.

Keywords: verbal communication, attitude, Arabic, language teaching

Pengenalan

Komunikasi merupakan tema kajian yang mendapat perhatian oleh para pengkaji dahulu dan kini. Komunikasi dan pengajaran tidak dapat dipisahkan kerana komunikasi merupakan salah satu kompetensi seorang guru yang berkesan (Abdull Sukor, 2008; Han & Tosten, 2016). Churiyah (2011) mentakrifkan komunikasi sebagai penghantaran dan penerimaan mesej atau maklumat antara dua orang atau lebih dengan menggunakan simbol verbal (bahasa) dan bukan verbal.

Komunikasi verbal (KV) ialah aktiviti komunikasi menggunakan bahasa manakala komunikasi non-verbal (KNV) ialah penyampaian mesej tanpa menggunakan bahasa (Churiyah, 2011). Abdull Sukor (2008) menegaskan keberkesanan KV dikukuhkan dengan KNV melalui gerakan badan yang selari dengan percakapan sama ada cara berdiri, kedudukan kepala, ekspresi muka, kening, mata, bahu dan tangan. Ini penting kerana dalam menjalin komunikasi, keintiman dan keupayaan menghasilkan tindak balas merupakan aspek yang perlu dipertimbangkan. Gabungan KV dan KNV juga memberi kesan terhadap sikap, keperibadian dan kejayaan akademik seorang murid (Alamghir et al., 2017).

Dalam berkomunikasi, seorang pendengar akan memberikan perhatian sebanyak tujuh peratus kepada kandungan lisan, 38 peratus kepada perubahan nada suara dan 55 peratus lagi masanya kepada isyarat bahasa badan komunikasi (Nordin et al., 2017). Guru yang pandai berkomunikasi akan dapat mewujudkan suasana bilik darjah yang riang, tenang, dan menceriaikan serta suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif untuk murid berjaya (Duta, Panisoara & Ino-Ovidiu Panisoara, 2015). Kualiti pengajaran guru yang merupakan satu keperluan dalam sektor pendidikan menuntut penggunaan komunikasi pengajaran guru yang berkesan. Kenyataan ini disokong oleh kajian Noorafini, Saini dan Muhammad Suhaimi (2017) mendapati pengaruh pengajaran guru memberikan pengaruh yang lebih besar berbanding sikap murid iaitu sebanyak 48.1 peratus berbanding faktor sikap 8.1 peratus.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengenal pasti amalan komunikasi verbal guru dalam pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)
- ii. Meneliti hubungan antara komunikasi guru dengan sikap murid dalam pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)

Sorotan Literatur

Komunikasi verbal (KV) merujuk kepada mesej yang menggunakan simbol-simbol atau kata-kata dalam bentuk bahasa samaada secara lisan atau tulisan (Asmah, 1989; Ulmi, 2017; Khotimah, 2019; Hasyim, 2001), pengucapan bersuara menggunakan bahasa sebagai mediumnya (Arba'ie et al., 2007; Churiyah, 2011; Nordin, 2016; Helmi & Ilhaamie, 2017), aktiviti menggunakan medium ucapan lisan atau bertulis, gambar dan kombinasi kaedah (Saussure & Rocci, 2016). Dalam komunikasi antara manusia, bahasa adalah alat perantara yang digunakan (Asmah, 1989b; Naef & Adil Jabir, 2011), bahasa yang digunakan akan diberi makna oleh penerima (Hasyim, 2001). Kemahiran berbahasa amatlah penting (Asmah, 1989b; Zawawi, Ab Halim, Nik Mohd & Mohd Ala-Uddin, 2011). Pengucapan bersuara menggunakan bahasa, tafsirannya lebih jelas dan ketara (Arba'ie et al., 2007). Abdull Sukor (2008) menyatakan, KV yang baik menepati prinsip gaya bahasa iaitu bahasa yang jelas, mudah difahami, tatabahasa yang betul dan kesesuaian dengan perucap, subjek, majlis dan audien atau pendengar. Churiyah (2011) juga menjelaskan enam ciri berkaitan bahasa.

Komunikasi verbal (KV) diklasifikasikan kepada dua jenis saluran bahasa iaitu melalui lisan (perbualan) dan tertulis atau bertulis (Asmah, 1989b; Ulmi, 2017; Churiyah, 2011; Khotimah, 2019). Komunikasi melalui lisan bermaksud interaksi yang berlaku secara lisan antara seorang individu dengan pendengarnya bertujuan untuk mengubah tingkah laku penerima (Ulmi, 2017). Termasuk juga dalam jenis komunikasi ini ialah mendengar dengan teliti dan bersuara (Churiyah, 2011). Ia boleh berlaku secara langsung seperti ceramah dan pidato ataupun menggunakan media sebagai perantara seperti perbualan melalui telefon. Dalam bidang pendidikan, ucapan lisan yang digunakan oleh guru dan murid terdiri daripada beberapa bentuk ayat seperti ayat berita, ayat tanya, ayat perintah atau ayat seruan. Setiap ayat mempunyai ciri-ciri khusus seperti memberi jeda, penggunaan intonasi dan pemilihan kata (Taufina, 2015).

Komunikasi Lisan

Komunikasi lisan menggunakan suara sebagai bahan (Churiyah, 2011). Terdapat lima ciri utama komunikasi lisan iaitu 1) bersemuka, 2) terikat dengan ruang, 3) terikat dengan masa, 4) menggunakan organ mulut dan telinga dan 5) mementingkan penampilan. KVL terbahagi kepada jenis lisan langsung dan tidak langsung. Dari segi prinsip, KVL mempunyai tiga prinsip asas iaitu suara, bunyi dan nada. Hasyim Fauzy Yaacob (2001) mengutarakan tiga prinsip mesej lisan yang berkesan iaitu; 1) jelas, tepat, ringkas dan konkrit, 2) disusun mengikut ide utama, disusuli ide sokongan dan 3) mengikut format atau budaya yang mudah difahami. Churiyah (2011) menyatakan komunikasi lisan ialah aktiviti menyimak (mendengar) dan berbicara. Berbicara adalah penyampaian mesej yang dilakukan secara lisan. Dengan menyimak, aktiviti komunikasi ini dapat diperhatikan dan diketahui melalui tingkah laku dan suara pertuturan yang dihasilkan oleh pembicara atau penutur.

Komunikasi Bertulis

Adapun komunikasi bertulis tidak dapat dilakukan secara langsung atau bersemuka. Tetapi berlaku secara tidak langsung, dilakukan melalui sebuah tulisan dan menggunakan perantara seperti media surat, gambar, grafik dan dilakukan dalam kegiatan surat menyurat yang melalui pos, telegram, telexaf, fax, e-mail dan sebagainya (Ulmi, 2017). Komunikasi tertulis atau bertulis juga merupakan kegiatan membaca dan menulis (Churiyah, 2011). Menurut Churiyah (2011) komunikasi ini saling berkait antara satu dengan yang lain.

Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan reka bentuk penyelidikan tinjauan. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi meninjau amalan komunikasi verbal guru berdasarkan perspektif murid sebagai penerima mesej. Chua (2014a) menyatakan bahawa soal selidik sesuai untuk merekodkan pemerhatian tingkah laku responden.

Kajian ini melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dari semua negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Bagi meningkatkan tahap kebarangkalian pemilihan sampel, kesemua sekolah ini dibahagikan kepada lima zon iaitu zon utara, zon selatan, zon tengah, zon timur dan zon Malaysia Timur. Populasi dalam kajian ini ialah 38,062 orang iaitu jumlah keseluruhan bilangan murid Bahasa Arab di 60 buah SMKA di seluruh Malaysia (Bahagian Pendidikan Islam, 2020). Dari jumlah tersebut, sampel yang dikaji ialah sebanyak 538 orang murid melebihi saiz sampel minima 380 orang menurut Krecjcie dan Morgan (1970).

Item soal selidik dipilih dan diubah suai oleh pengkaji agar sesuai dengan objektif kajian. Kemudian, item yang dipilih disampaikan kepada sekumpulan lima orang pakar untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item. Perubahan dibuat pada item yang dipilih mengikut pandangan pakar dan hasil kajian rintis. Ujian rintis telah dilakukan untuk menilai kebolehpercayaan instrumen.

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan *Cronbach Alpha*

Konstruk	Cronbach Alpha (n=33)	Bilangan item
Amalan KV guru	0.805	10
Sikap murid	0.918	17

Jadual 1 menunjukkan bilangan item dan kebolehpercayaan konstruk. Bilangan item yang mewakili konstruk amalan komunikasi verbal guru (KV) adalah 10 item. Item ini telah dibangunkan oleh pengkaji melalui adaptasi soal selidik oleh (Mohd Safiee et al., 2008). Nilai *Cronbach Alpha* bagi item ini ialah .805. Bagi konstruk sikap murid, bilangan item yang dibina ialah 17 item. Kesemua item ini juga dimodifikasi dan telah disaring daripada 37 item soal selidik tentang sikap, motivasi dan minat terhadap pembelajaran Bahasa Melayu (Nancy & Zamri, 2017). Nilai *Cronbach Alpha* bagi item ini ialah .918.

Hasil Kajian

Hasil dapatan kajian telah dianalisis menggunakan perisian SPSS 21. Data dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif melibatkan min dan sisihan piawai berdasarkan kepada tahap amalan komunikasi verbal guru dan statistik inferensi korelasi Pearson bagi mengetahui hubungan komunikasi verbal guru dan sikap murid.

Tahap Amalan KV

Tahap amalan komunikasi verbal guru diukur berdasarkan dua saluran bahasa iaitu lisan dan bertulis. Hasil ujian deskriptif bagi tahap amalan KV dapat dilihat dalam jadual 2.

Jadual 2: Taburan Nilai Min (Purata) Bagi Setiap Saluran Komunikasi Verbal Guru (N=538)

Saluran Komunikasi Verbal	Min (Purata)	Sisihan Piawai
Lisan	4.17	0.57
Bertulis	4.08	0.62
Jumlah	4.13	0.51

Secara keseluruhannya, amalan komunikasi verbal guru Bahasa Arab SMKA di Malaysia berada pada tahap yang tinggi dengan nilai skor min 4.13 dan sisihan piawai 0.51. Didapati KV guru Bahasa Arab melalui saluran bahasa lisan lebih tinggi dengan nilai skor min 4.17 (SP= 0.57) berbanding amalan KV menggunakan medium bertulis dengan nilai skor min 4.08 (SP=0.62). Ini menunjukkan guru-guru Bahasa Arab di SMKA lebih kerap mengamalkan komunikasi verbal secara lisan dalam pengajaran mereka berbanding komunikasi verbal secara bertulis.

Berdasarkan jadual 3, data menunjukkan taburan responden mengikut dimensi amalan komunikasi verbal secara lisan dalam kalangan guru Bahasa Arab SMKA di Malaysia. Seramai 150 orang (27.9%) responden terdiri daripada murid lelaki dan 388 orang (72.1%) responden yang lain adalah murid perempuan. Taburan min responden yang diperoleh bagi dimensi ini ialah 4.17 dan sisihan piawai ialah 0.57. Ini menunjukkan taburan min responden berada pada tahap yang tinggi. Jadual 3 juga menunjukkan, tahap amalan KV guru-guru Bahasa Arab SMKA di Malaysia melalui saluran bahasa lisan mengikut item berada pada tahap sederhana tinggi dan tinggi. Berdasarkan interpretasi skor min Nunnally dan Bernstein (1994), skor min 3.01- 4.00 adalah sederhana tinggi, manakala skor min 4.01- 5.00 adalah tinggi. Aspek yang berada pada tahap yang tinggi adalah menggunakan ayat Bahasa Arab yang mudah difahami oleh murid ketika berkomunikasi dengan nilai min yang tertinggi iaitu 4.58 (SP=0.65), memberi pujian lisan kepada murid seperti ungkapan *أحسننت, ممتاز* yang memperoleh nilai min 4.52 (SP=0.74).

Begitu juga dengan amalan memulakan pengajaran dengan ucapan *كيف حالكم صباح الخير* berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.46 (SP=0.76). Adapun dua lagi item berada pada tahap sederhana tinggi iaitu item menggalakkan murid berinteraksi semasa guru mengajar seperti ungkapan suruhan dan larangan *تفضل إلى الأمام، لا تخجل، هيا بسزعة* dengan nilai min 3.99 (SP=0.95) dan item menggunakan Bahasa Arab secara maksimum dalam pengajaran pada nilai min 3.35 (SP=0.98).

Secara keseluruhannya, min yang diperoleh ialah 4.17 dan sisihan piawai 0.57. Ini menunjukkan tahap amalan komunikasi verbal guru-guru Bahasa Arab SMKA di Malaysia menggunakan saluran bahasa lisan adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Saluran Bahasa Lisan dalam Komunikasi Verbal

Item: Lisan	BILANGAN / PERATUS					Min	SP	Interpretasi
	STS	TS	KS	S	SS			
Berkomunikasi menggunakan Bahasa Arab semasa memulakan sesi pengajaran seperti ungkapan <i>صباح الخير، كيف حالكم</i>	0	9 2.6	31 9.1	95 27.9	206 60.4	4.46	0.76	Tinggi
Menyampaikan isi pelajaran menggunakan Bahasa Arab secara maksimum	14 4.1	42 12.3	139 40.8	104 30.5	42 12.3	3.35	0.98	Sederhana tinggi
Memuji murid secara lisan dengan menggunakan perkataan Bahasa Arab seperti <i>أحسننت، ممتاز</i>	0	3 0.9	42 12.3	70 20.5	226 66.3	4.52	0.74	Tinggi
Menggunakan ayat Bahasa Arab yang mudah difahami	0	1 0.3	29 8.5	83 24.3	228 66.9	4.58	0.65	Tinggi
Menggalakkan interaksi di antara guru dan murid semasa mengajar seperti ungkapan <i>تفضل إلى الأمام، لا تخجل، هيا بسزعة</i>	4 1.2	17 5.0	80 23.5	117 34.3	123 36.1	3.99	0.95	Sederhana tinggi
Keseluruhan						4.17	0.57	Tinggi

Jadual 4 pula menunjukkan taburan responden mengikut amalan komunikasi verbal menggunakan saluran bahasa bertulis dalam kalangan guru Bahasa Arab SMKA di Malaysia. Data menunjukkan bahawa taburan min responden yang diperolehi bagi dimensi ini ialah 4.08 dan sisihan piawai ialah 0.62. Ini menunjukkan taburan min responden berada pada tahap yang tinggi walaupun skor min keseluruhan rendah sedikit berbanding saluran lisan. Jadual 4 juga menunjukkan, tahap amalan KV guru-guru Bahasa Arab SMKA di Malaysia melalui medium bertulis mengikut item berada pada tahap sederhana tinggi dan tinggi. Berdasarkan interpretasi skor min adaptasi Nunnally dan Bernstein (1994) skor min 3.01-3.99 adalah sederhana tinggi, manakala skor min 4.01-5.00 adalah tinggi.

Tiga daripada lima item berada pada tahap yang tinggi iaitu memberi pujian bertulis terhadap hasil kerja murid dalam Bahasa Arab seperti *أحسننت، ممتاز* dengan nilai min yang tertinggi iaitu 4.47 (SP=0.84), menggunakan buku teks untuk membuat latihan yang memperolehi nilai min 4.45 (SP=0.77) dan menulis kata-kata galakan dalam Bahasa Arab setelah murid menyiapkan tugas seperti *الاجتهاد أساس النجاح* dengan nilai min 4.20 (SP=0.93). Manakala, dua item lagi berada pada tahap sederhana tinggi iaitu item menggunakan kad imbasan perkataan di dalam Bahasa Arab untuk menyatakan sesuatu seperti *هذه مكتبة، هذا كتاب* dengan nilai min 3.81 (SP=1.02) dan menggunakan teknologi seperti *powerpoint* dalam menyampaikan isi pelajaran Bahasa Arab pada nilai min 3.51 (SP=1.16).

Ringkasnya, min yang diperolehi ialah 4.08 dan sisihan piawai 0.62. Ini menunjukkan tahap amalan komunikasi verbal melalui medium bertulis dalam kalangan guru-guru Bahasa Arab SMKA di Malaysia juga pada tahap yang tinggi.

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Saluran Bahasa Bertulis dalam Komunikasi Verbal

Item: Bertulis	BILANGAN / PERATUS					Min	SP	Interpretasi	
	STS	TS	KS	S	SS				
Memberi pujian bertulis terhadap hasil kerja murid dalam Bahasa Arab seperti <i>أحسنّت ، مُمتاز</i>	3 0.9	7 2.1	39 11.4	71 20.8	221 64.8	4.47	0.84	Tinggi	
Menulis kata-kata galakan dalam Bahasa Arab setelah murid menyiapkan tugas seperti <i>اجتهد، الاجتهاد أساس النجاح</i>	7 2.1	7 2.1	59 17.3	105 30.8	163 47.8	4.20	0.93	Tinggi	
Menggunakan kad imbasan perkataan di dalam Bahasa Arab untuk menyatakan sesuatu seperti <i>هذا كتاب، هذه مكتبة</i>	13 3.8	18 5.3	86 25.2	128 37.5	96 28.2	3.81	1.02	Sederhana tinggi	
Menggunakan buku teks untuk membuat latihan	2 0.6	3 0.9	40 11.7	90 26.4	206 60.4	4.45	0.77	Tinggi	
Menggunakan teknologi seperti <i>powerpoint</i> dalam menyampaikan isi pelajaran Bahasa Arab	25 7.3	35 10.3	99 29.0	105 30.8	77 22.6	3.51	1.16	Sederhana tinggi	
						Keseluruhan	4.08	0.62	Tinggi

Hubungan Komunikasi Verbal Guru dengan Sikap Murid

Berdasarkan Jadual 5, didapati bahawa nilai pekali korelasi r bagi amalan komunikasi verbal guru dengan sikap murid dalam pengajaran Bahasa Arab adalah bersamaan dengan .596. Ini menunjukkan hubungan yang positif. Tanda positif di hadapan nilai pekali menunjukkan perhubungan satu pemboleh ubah adalah berkadar terus dengan satu pemboleh ubah yang lain. Berdasarkan interpretasi aras kekuatan nilai pekali korelasi adaptasi Chua (2014), $r = .51$ hingga $.70$ adalah sederhana. Oleh itu, hasil pekali korelasi $r = .596$ menunjukkan korelasi yang sederhana antara komunikasi verbal guru dan sikap murid dalam pengajaran Bahasa Arab. Hasil tersebut juga menunjukkan terdapatnya satu perkaitan yang signifikan antara pemboleh ubah amalan komunikasi verbal guru dengan sikap murid yang mana nilai signifikan ialah $p=0.01$ adalah lebih kecil dari 0.05 , ($r = 0.596$, $p=0.01 < 0.05$). Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara amalan komunikasi verbal guru dengan sikap murid dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Jadual 5: Korelasi Hubungan KV Guru Bahasa Arab dengan Sikap Murid (N=538)

	r	p
Komunikasi Verbal Guru	.596**	.000
Sikap murid		

** $p < .01$ (2 tailed)

Perbincangan Kajian

Berdasarkan analisis data, maka dapatan kajian dirumuskan bahawa tahap amalan komunikasi verbal guru Bahasa Arab SMKA di Malaysia adalah tinggi dan terdapat hubungan yang signifikan antara

amalan komunikasi verbal guru dengan sikap murid dalam pembelajaran Bahasa Arab. Penemuan kajian ini menunjukkan tahap amalan KV guru Bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi baik secara lisan mahupun bertulis. Ini bermaksud, guru Bahasa Arab di SMKA amat kerap mengamalkan komunikasi verbal dalam pengajaran Bahasa Arab secara lisan dan bertulis. Dapatan ini adalah selari dengan hasil kajian Mohd Safiee et al. (2008) yang mendapati komunikasi lisan guru-guru teknikal di Sekolah Menengah Teknik di Negeri Melaka berada dalam tahap yang baik dengan skor min yang tinggi. Berdasarkan perspektif murid dalam kajian ini, penggunaan ayat Bahasa Arab yang mudah difahami adalah aspek yang paling tinggi diamalkan oleh guru Bahasa Arab SMKA. Dapatan ini juga membuktikan penemuan pengkaji terdahulu yang menjelaskan bahawa pengajaran Bahasa Arab memerlukan guru menggunakan bahasa yang mudah seperti *lughotul fasli* (Mohamad Ziyad & Saini, 2017). Dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami, guru dan murid dapat berinteraksi dengan lebih baik di samping meningkatkan minat dan motivasi murid. Selain itu, guru Bahasa Arab juga didapati melazimi amalan memulakan kelas dengan sapaan ringkas di dalam Bahasa Arab seperti ucapan 'selamat pagi' dan 'apa khabar' di dalam Bahasa Arab. Sapaan ini penting bagi menimbulkan rasa kesediaan murid untuk belajar Bahasa Arab.

Walaupun begitu, hasil kajian mendapati bahawa amalan guru Bahasa Arab dalam berkomunikasi menggunakan Bahasa Arab secara maksima semasa sesi pengajaran mempunyai skor min yang paling rendah namun masih pada tahap sederhana tinggi. Mohamad Ziyad dan Saini (2017) menyenaraikan empat halangan guru dalam membudayakan *lughotul fasli* dalam pengajaran iaitu personaliti guru, sikap, kelayakan dan persekitaran komunikasi Bahasa Arab. Selain itu, topik pengajaran juga mungkin menjadi faktor penggunaan Bahasa Arab sepenuhnya ketika menerangkan isi pengajaran. Kajian Fahainis dan Haslina (2014) misalnya mendapati bahawa perbezaan tajuk pelajaran memberi impak kepada penggunaan kemahiran komunikasi yang terbaik dalam pengajaran Bahasa Inggeris. Brosh (1996) mendapati bahawa seorang guru bahasa yang berkesan tidak semestinya mengajar menggunakan bahasa tersebut sepenuhnya dalam pengajaran mereka. Oleh itu, Penggunaan Bahasa Arab sepenuhnya dalam pengajaran juga bukanlah syarat utama untuk murid lebih memahami apa yang diajar.

Seterusnya, berkaitan hubungan KV dengan sikap murid dalam pembelajaran Bahasa Arab didapati mempunyai hubungan positif yang jelas. Sikap murid yang positif menjadi pemangkin kejayaan murid di dalam pembelajarannya (Nancy & Zamri, 2017). Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini tidak selari dengan dapatan kajian Mohd Khairuddin et al. (2014) yang menunjukkan korelasi yang sederhana dan hubungan negatif yang signifikan antara pola komunikasi lisan guru dalam bilik darjah dengan tingkah laku delinkuen murid. Oleh itu, untuk mewujudkan sikap yang lebih positif, penggunaan KV secara strategik perlu dikuasai dan diaplikasikan dalam pengajaran Bahasa Arab. Mengenai pembentukan sikap positif murid dalam pembelajaran bahasa, menurut kajian Nancy dan Zamri (2017) murid Melanau dalam kajian mereka mempunyai sikap positif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dan berminat untuk mempelajari Bahasa Melayu, 60.3 peratus responden kajian mengatakan bahawa mereka selalu bersungguh-sungguh belajar bahasa Melayu.

Kesimpulan

Kajian ini telah membuktikan bahawa amalan KV yang berstrategi dapat meningkatkan kualiti dalam pengajaran Bahasa Arab. Dapatan kajian ini juga membuktikan terdapatnya hubungan antara KV guru dengan perkembangan sikap murid dalam pembelajaran Bahasa Arab. Oleh itu, seorang guru hendaklah mengoptimalkan pengamalan komunikasi verbal sama ada secara lisan mahupun bertulis supaya dapat merangsang perkembangan sikap positif murid dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Rujukan

- Ab Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary . (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 43-56.

- Arba'ie Sujud, Che Ibrahim Salleh dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi . (2007). Bahasa Verbal dan Non Verbal sebagai Cerminan Masyarakat Dalam Novel-novel Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 18.
- Bunyamin Han & Rasim Tosten. (2016). In-class Teacher-student Communication According to High School Students' perceptions. *New trends and Issues Proceedings on Humanities and Social Sciences*, 190-198.
- Brosh, H. (1996). Perceived characteristics of the effective language teacher. *Foreign Language Annals*, 29(2), 125-136.
- Chua, Y. P. (2014a). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1 : Kaedah Penyelidikan Edisi Ketiga*. Shah Alam, Selangor: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Chua, Y. P. (2014b). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2 : Asas Statistik Penyelidikan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Churiyah, Y. (2011). *Bahan Belajar Mandiri (BBM) komunikasi lisan dan tertulis* . Retrieved from Google Scholar: http://file.upi.edu/Direktori/dual-Modes/Pendidikan_Bahasa_Dan_Sastra_Indonesia_Di_Sekolah_Dasar_Kelas_Rendah/Bbm_1.pdf
- DosenPendidikan.Com. (2014). *Komunikasi Lisan dan Tertulis – Pengertian, Ciri, Jenis, Prinsip, Syarat, Bentuk, Kelebihan & Kekurangan*. Retrieved from DosenPendidikan.Com: <https://www.dosenpendidikan.co.id/komunikasi-lisan-dan-tertulis/>
- Fahainis Mohd Yusof & Haslina Halim. (2014). Understanding Teacher Communication Skills. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 471-476.
- Halias, N. (2016). *Komunikasi Nonverbal Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Helmi Akhtar dan Ilhaamie Abdul Ghani Azmi. (2017). Komunikasi Kepimpinan Berkesan. *Jurnal Syariah*, 25(3), 531-562.
- Kendon, A. (1981). Introduction: Current Issues in the Study of 'Nonverbal Communication. In A. Kendon, *Nonverbal communication, interaction, and gesture* (pp. 1-53). The Hague: Mouton.
- Khalip Musa & Hariza Abd. Halim. (2015). Kemahiran Interpersonal Guru dan Hubungan dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(2), 89-99.
- Khotimah, I. H. (2019, November 13). *Komunikasi Verbal Dan Nonverbal Dalam Diklat*. Retrieved from Researchgate: <https://www.researchgate.net/publication/337208719>
- Loy, K. J. (2006). *Effective teacher communication skills and teacher quality*. Ohio: Ohio State Univeristy.
- Mohamad Ziyad Mukhtar & Saini Ag. Damit. (2017). Aplikasi Lughat al-fasl dalam Pengajaran Bahasa Arab. *MANU*, 26, 153-183.
- Mohammad Rusdi Ab. Majid & Zawawi Ismail. (2017). Kreativiti Pengajaran Guru Bahasa Aarab di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(4), 27-38.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu & Halimah Laji. (2014). Komunikasi Guru Dalam Bilik Darjah Dan Tingkah Laku Delinkuen Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinkers)*, 5, 59-77.
- Mohd Safiee Hj. Idrisa, Hj. Ashari Sikorb, Siti Zahara Binti Mohd Ariff, Mohd Zaid Mustafac, Ahmad Rizal Madard dan Latifah Md. Ariffin. (2008). Komunikasi Interpersonal Dalam Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Naef Ahmad Sulaiman & Adil Jabir Saleh Muhammad. (2011). *Al-Musyrif al-Fanniy fi Asalib Tadris al-Lughah al-Arabiyah*. Amman, Jordan: Dar al-Quds, Dar Qandil.
- Nancy anak Ngumbang & Zamri Mahamod. (2017). Sikap, minat dan motivasi murid Melanau dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 47-58.
- Nicoleta Duta, Georgeta Panisoara & Ino-Ovidiu Panisoara. (2015). The Effective Communication in Teaching, Diagnostic Study Regarding the Academic Learning Motivation to Students. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 1007-1012.
- Noor Shamsinar, Z., Abdul Razif, Z., Ahmad Zabidi, A.R., Mohammad Rushdan, A., Hasmadi, H., Rofian, I., Mohd Redzaudin, G. (2017). Kompetensi Guru Bahasa Arab Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Malaysia. <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017>.

- Noorafini, K., Saini, A.D., & Muhammad Suhaimi, T. . (2017). Pengaruh Sikap Pelajar dan Pengajaran Guru Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPIB, UMS. *Jurnal 'Ulwan, 1*, 125-142.
- Nunnally, J.C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory (3rd Ed.)*. New York: McGraw-Hill.
- Nurul Salmi Mohd Dazali dan Mohd Isha Awang. (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA Di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu -JPBM, 4,*, 44-56.
- Omar, A. (1989a). Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua Atau Bahasa Asing Dan Pengajarannya Di Sekolah. In A. Omar, *Kaedah Pengajaran Bahasa* (pp. 34-56). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Omar, A. (1989b). Pengajaran Bahasa Untuk Kemahiran Berkomunikasi : Pendekatan Wacana. In A. Omar, *Kaedah Pengajaran Bahasa* (pp. 57-73). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, KPM.
- Saussure, Louis de; Rocci, Andrea. (2016). Verbal communication. An introduction. In L. d. Saussure, & A. Rocci, *Verbal communication* (p. 3). Berlin: DE GRUYTER MOUTON.
- Shaari, A. S. (2008). *Guru Berkesan Petua dan Panduan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Siti Fatimah Ahmad dan Ab Halim Tamuri. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education, 29*(2), 53-64.
- Sohana Abdul Hamid & Hairun Najuwah Jamali. (2017). Komunikasi Berkesan Membina Sahsiah Pelajar. *ISLAM TRANSFORMATIF: Journal of Islamic Studies, 1*(1).
- Taufina. (2015, November). Makna Komunikasi Verbal dan Unsur Nonverbalnya Dalam Tuturan Konstatif Di Kleas I Sekolah Dasar. *Sekolah Dasar, 24*(2), 99-110.
- Tetti Nauli Panjaitan, Ima Suryani, Sri Wanasari & Syarifah Chairunisak. (2017). Interaction of Verbal Communication of The Teacher From The Philippines In The Teaching Activity For Nursery II Students At The Singapore International School, Medan . *International Journal Of Scientific & Technology, Research, 6*(7), 33-40.
- Ulmi, N. (2017). *Komunikasi Verbal dan Non Verbal Dalam Proses Tahfidz Al-Quran*. Uin Radan, Intan Lampung: Tesis Sarjana Tidak diterbitkan.
- Utah, R. b. (2013). *IBM SPSS Statistic For Window*. Pejabat Teknologi Maklumat.
- Yaacob, H. F. (2014). *Komunikasi Antara Manusia*. Johor, Malaysia: UTM Press Universiti Teknologi Malaysia.
- Zaini, R. (2014). Studi Atas Pemikiran B.F. Skinner Tentang Belajar. *TERAMPIL: Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Dasar, 1*(1), 118-129.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA. *GEMA Online™ Journal of Language Studies, 11*(2), 67-82.
- Zawawi Ismail, ordin Halias, Rahimi Md Saad dan Mohd Faisal Mohamed. (2018). The relationship between teachers' Non Verbal Communication Practice (NVCP), students' attitude and motivation, *Herald NAMSCA 3*, 531-536.